

# Ajinomoto buka kilang baharu di Seremban

Bangunan dibina di tapak seluas 18.6 hektar sedia suasana kondusif, mesra pekerja

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Ajinomoto (M) Bhd** (AMB) secara rasmi membuka kilang mesra alam baharunya di atas tapak seluas 18.6 hektar di Bandar Enstek Halal Hub, di Seremban, Negeri Sembilan.

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tomoharu Abe, berkata kilang baharu AMB yang berpindah dari Jalan Kuchai Lama di Kuala Lumpur ke Bandar Enstek adalah 'kilang pintar' dan Bangunan Hijau yang Diperakui.

"Teknologi canggih yang mengoptimalkan operasi melalui automasi dan pendigitalan diperbadankan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

"Kilang baharu ini telah direka untuk menyediakan suasana yang kondusif dan mesra kerja bagi pekerja, dilengkapi dengan fasiliti rekreasi. Selain itu, kilang tersebut juga menggalakkan pembabitian pelanggan dan kelestarian alam sekitar," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Premis kilang baharu itu kini



Tuanku Muhriz (tengah) berkenan merasmikan pembukaan kilang baharu Ajinomoto di Seremban. Yang turut hadir Abe (kanan).

merangkumi 60 peratus dari 18.6 hektar dan mempunyai ruang yang cukup untuk pembangunan pada masa hadapan.

Perasmian pembukaan kilang itu disempurnakan oleh Yang Diptuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir. Yang turut hadir EXCO Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Ismail Ahmad dan Duta Besar Jepun ke Malaysia, Takahashi Katsuhiko.

## Dihasilkan 100 tahun lalu

Perencah Umami AJI-NO-MOTO/Æ telah ditemui dan dihasilkan lebih 100 tahun yang lalu oleh Ajinomoto Co. Inc. di Jepun.

AMB memulakan operasi perniagaannya bagi pengedaran Pe-

rencah Umami AJI-NO-MOTO/Æ yang diimport di Kuala Lumpur pada 1961 dan adalah antara syarikat Jepun pertama yang ditubuhkan di Malaysia.

Pada 1965, ekoran penyiapan kilangnya di tapak berukuran 25 ekar di Jalan Kuchai Lama, Syarikat tersebut memulakan pengeluaran Perencah Umami AJI-NO-MOTO/Æ yang disahkan halal secara tempatan.

Ekoran perpindahan kilang baharu tersebut, AMB telah mendirikan Ibu Pejabat Korporat di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Pengerusi AMB, Tan Sri Teo Chiang Liang berkata Tahun 2022 adalah tahun yang mencabar tetapi sangat bertuah bagi Ajinomoto

(Malaysia), Ajinomoto Co. Inc, Jepun dan jenama AJI-NO-MOTO/Æ ketika Syarikat meraikan pencapaian dua peristiwa penting.

"Pertama adalah pembukaan kilang baharu terkini yang mesra alam dan diperakui halal walaupun menghadapi cabaran wabak COVID-19 di tanah air dan di seluruh dunia, dan kedua adalah sambutan ulang tahun Syarikat ke-60.

"Melangkah ke hadapan, AMB bersama kilang baharunya akan berusaha menjadi 'Syarikat Makanan Halal Sedunia Bersentrik Pelanggan' yang menyumbang dalam menangani Isu Pemakanan dan Kesihatan Masyarakat melalui Kepakaran dan Penyelesaian Inovatif Kami," katanya.